

Ruj. Kami : JP/167/PSP/02/1/1 ( 77 )

Tarikh : 8 Ogos 2017

---

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH PENERANGAN  
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2017**

---

**TUJUAN**

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memastikan semua warga Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) melaksanakan arahan Ketua Pengarah Penerangan berdasarkan keputusan Mesyuarat Pengurusan Penerangan Bil. 12 Tahun 2017 bertarikh 8 Jun 2017, Mesyuarat Pengurusan Penerangan Bil. 13 Tahun 2017 bertarikh 15 Jun 2017 dan Mesyuarat Pengurusan Penerangan Bil. 14 Tahun 2017 bertarikh 13 Julai 2017.

**PERKARA: PERINGATAN: LARANGAN MENGGUNAKAN SOKONGAN ORANG-ORANG BERPENGARUH BAGI URUSAN KERAJAAN SEPERTI PERTUKARAN, KENAIKAN PANGKAT DAN LAIN-LAIN**

1. Adalah dimaklumkan bahawa bagi pelaksanaan urusan kerajaan seperti pertukaran, kenaikan pangkat, dan lain-lain yang lebih teratur, berkesan, seragam serta telus, semua warga Jabatan Penerangan Malaysia dikehendaki mematuhi arahan seperti berikut:

***Semua warga Jabatan Penerangan Malaysia adalah dilarang menggunakan apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar bagi menyokong permohonan berkaitan urusan kerajaan seperti pertukaran, kenaikan pangkat dan lain-lain melalui sebarang bentuk***

***komunikasi yang disampaikan sama ada secara bertulis atau lisan bagi tujuan berkenaan. Ini termasuk dalam bentuk surat, memo, minit, e-mel, khidmat pesanan ringkas (SMS), WhatsApp/ Telegram messenger, percakapan mulut, panggilan telefon dan sebagainya.***

2. Larangan ini adalah selaras dengan:

- i. Perlembagaan Persekutuan, Bahagian II, Peraturan 4(2)(h) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang memperuntukkan bahawa seseorang pegawai tidak boleh:

***“Membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan berhubung dengan perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu adalah tuntutannya sendiri atau tuntutan anggota-anggota perkhidmatan awam yang lain”.***

- ii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 Panduan Pertukaran Pegawai Awam bertarikh 26 April 2004 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam:

***“Pegawai adalah dilarang menggunakan apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar bagi menyokong permohonan mereka untuk bertukar atau sebaliknya”.***

- iii. Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan bertarikh 8 Mac 2010 oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

3. Maklumat lanjut mengenai perkara-perkara di atas adalah seperti di Lampiran I dan II.

4. Sehubungan dengan itu, semua warga Jabatan Penerangan Malaysia dikehendaki mematuhi arahan ini berkuat kuasa serta merta dari tarikh surat ini dikeluarkan. Tindakan disiplin dan tatatertib akan diambil terhadap mana-mana pegawai yang menyalahi pekeliling ini.

## **PENUTUP**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Penerangan Bilangan 1 Tahun 2017 ini dipatuhi serta merta oleh semua pegawai di bawah seliaan masing-masing dan komitmen daripada semua dalam menjayakan arahan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' HAJI IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN)**

Ketua Pengarah  
Jabatan Penerangan Malaysia

s.k : Timbalan Ketua Pengarah (Penerangan Strategik)  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)